

SUMBANGAN TABUNG KEBAJIKAN KEPADA ANGGOTA KTU



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4364-sumbangan-tabung-kebajikan-kepada-anggota-ktu

ALOR SETAR, 15 Jan 19 - Majlis penyerahan cek sumbangan kebajikan kepada pegawai dan anggota telah diadakan di Pejabat Komandan, Markas Kolej Tentera Udara (KTU).

Pegawai yang telah menerima sumbangan kebajikan tersebut adalah Mej Che Zunida binti Che Azmi TUDM. Beliau menerima sumbangan cek dari Tabung Kebajikan Angkatan Tentera Malaysia (TKAT) untuk anak beliau yang menghidap penyakit Dyslexia. Manakala penerima cek sumbangan dari Tabung Kebajikan TUDM pula adalah Kpl U Mohd Azrul bin Sudin di mana anak beliau meninggal di dalam kandungan pada 19 Nov 18 lalu.

Cek sumbangan telah disampaikan oleh Pemangku Komandan KTU, Kol Omar bin Hj Dawami TUDM dan diiringi oleh Ketua Cawang Tadbir KTU, Lt Kol Hamdan bin Ahmad TUDM.

